

UNSUR PENANDA WACANA DALAM TEKS UCAPAN BELANJAWAN 2019

(*Discourse Marking Elements in the 2019 Budget Speech Text*)

**Muhammad Faizul Abd Hamid*

reach.faizul@gmail.com

Mohd Azidan Abdul Jabar

azid@upm.edu.my

Muhammad Alif Redzuan Abdullah

muhammadalif@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Jun 2019

Sila rujuk: Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar dan Muhammad Alif Redzuan Abdullah. (2019). Unsur Penanda Wacana dalam Teks Ucapan Belanjawan 2019. *Jurnal Bahasa* 19(1), 41-65.

Abstrak

Teks ucapan dianggap sebagai wacana yang sempurna dengan wujudnya penghubung yang bertunjangkan semantik antara komponen teks. Pertalian yang dikenali sebagai penanda wacana ini membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan mudah difahami. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mencungkil pelbagai unsur penanda wacana dan rasional penggunaannya dalam teks ucapan Belanjawan 2019 sebagai salah satu cara untuk mengalirkkan mesej penting kepada khalayak ramai. Teks ucapan ini merupakan strategi belanjawan parti gabungan Pakatan Harapan yang pertama apabila memegang tampuk pemerintahan kerajaan Malaysia yang baharu. Penyelidikan ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah kualitatif. Kerangka pemikiran adverba anafora Asmah (2008) dan teori Nahu Fungsian (Halliday & Matthiessen, 2014) telah dijadikan pegangan dalam proses

penyelidikan. Berdasarkan hasil kajian, terdapat pelbagai jenis unsur penanda wacana yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapan Belanjawan 2019. Penghubung penambahan, adverba tujuan dan adverba manfaat dilihat sebagai tiga unsur penanda wacana yang kerap digunakan dalam usaha pembikinan teks ucapannya. Namun begitu, teks ucapan ini juga sarat dengan pengembangan beberapa unsur penanda wacana lain. Kolaborasi beberapa unsur penanda wacana telah menunjukkan bahawa penghubung memainkan peranan penting dalam memastikan ketekstualan ucapan Belanjawan 2019 dan seterusnya dapat mewujudkan makna yang kontekstual, tersusun dan mudah diterima oleh pengguna bahasa.

Kata kunci: penanda wacana, adverba anafora, teks ucapan, nahu fungsian, Belanjawan 2019

Abstract

The speech text can be considered as a perfect discourse with the existence of a semantic linkage between the textual components. Discourse markers allow the sentences in the paragraphs to be well-organized to provide a continuity to the information and make it easy to understand. Therefore, this paper aims to uncover the various elements of discourse markers and the rationale behind their usage in the 2019 Budget speech text. This speech was the first budget speech for the new coalition party, Pakatan Harapan. This research is a descriptive study using qualitative methods. The concept of anaphoric adverbs (Asmah, 2008) and the theory of Functional Grammar (Halliday & Matthiessen, 2014) have been employed in this research. Based on the results of the study, there are various types of discourse elements used by the speaker in the text of 2019 Budget Speech. The extension link, adverbs of purpose and the benefits adverb are seen as three elements of discourse that are often used in the production of the text of his speech. However, the text of this speech is also full of other discourse markers. The collaboration of discourse markers shows that connectors play an important role in ensuring the textuality of the 2019 Budget speech and can create contextual, structured speeches that are easily accepted by language users.

Keywords: discourse marker, anaphoric adverb, speech text, functional grammar, 2019 Budget

PENDAHULUAN

Teks ucapan ialah wadah untuk menyampaikan idea yang disusun serta mendedahkan sesuatu maklumat kepada khalayak (Smith, 2017). Teks ucapan yang berkesan amat penting bagi memastikan makna keseluruhan ucapan dapat disampaikan kepada khalayak. Susunan teks yang berterburu dan tidak berkesinambungan akan menyebabkan matlamat sesuatu pengucapan “tergantung”. Halliday dan Matthiessen (2014) mendakwa bahawa teks merujuk kepada “*... any passage, spoken or written, of whatever length, that forms a unified whole*” dan disifatkan sebagai unit semantik. Istilah “semantik” yang dimaksudkan bukan sahaja merujuk makna perkataan, malah merangkumi keseluruhan sistem makna sesuatu bahasa yang dizahirkan melalui nahu dan kata. Pendapat yang sama diberikan oleh Brown dan Yule (1988) bahawa sesebuah teks ucapan harus terdiri daripada ciri-ciri linguistik tertentu agar binaannya mempunyai kesinambungan dan kepaduan yang jelas bagi menyampaikan sesuatu yang bermakna. Oleh itu, kesinambungan yang diperkatakan boleh dijelaskan melalui taksonomi kohesi yang digagaskan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Teori ini menjelaskan fungsi kohesi sebagai pengikat yang menghubungkan satu bahagian dengan bahagian lain sehingga terbentuk satu kesatuan teks yang boleh difahami. Kohesi juga berperanan mewujudkan ketekstualan kepada teks dan melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Walaupun kohesi bukan satu-satunya syarat untuk menghasilkan sesebuah wacana kerana terdapat beberapa syarat lain seperti berkepadaan, berintekstualiti, bersituasi, bermaklumat, berketerimaan dan bertujuan, namun, kohesi merupakan syarat asas untuk menjadikan teks bertaraf wacana berbanding dengan syarat-syarat lain (Idris, 2014). Kohesi boleh diperlihatkan sebahagiannya melalui “alatan nahanuan” dan sebahagian lagi melalui “alatan leksikal”. Alatan nahanuan berperanan mempertalikan unsur linguistik dengan unsur linguistik lain antara ayat. Alatan nahanuan terdiri daripada empat jenis, iaitu penghubung, pengguguran, penggantian dan rujukan.

Kemudian, Halliday dan Hasan (1976) mencerakinkan unsur penghubung kepada penghubung tambahan, penghubung sebab-musabab, penghubung tempoh/masa dan penghubung berlawanan. Penghubung tambahan berperanan sebagai pemberi maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Penghubung berlawanan pula digunakan untuk menunjukkan pertentangan maklumat antara sesuatu

yang baharu diperkatakan dengan yang sebelumnya dalam wacana yang sama. Penghubung sebab-musabab merujuk penghubung yang menyatakan sebab dan akibat berlakunya sesuatu perkara. Penghubung tempoh/masa pula berperanan untuk menunjukkan kronologi masa berlakunya sesuatu. Nahan penghubung bukan sahaja dikenali sebagai “penanda wacana” oleh Asmah (2008), namun turut dipanggil dengan istilah lain seperti *semantic conjuncts* (Quirk *et al.*, 1985), *pragmatic connectives* (Van Dijk, 1979) dan *discourse connectives* (Blackmore, 1992).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang menjadikan teks ucapan sebagai data penelitian didapati merentas pelbagai disiplin linguistik seperti lakuan bahasa, gaya bahasa, semantik dan pragmatik. Secara ringkas, kosa kajian teks ucapan ini dikelaskan kepada kajian ekadimensi. Kajian ekadimensi disini merujuk kajian yang hanya melibatkan analisis dari satu sudut dan kurang memanfaatkan kelebihan yang ada pada teks bagi membongkar makna yang terselindung di sebaliknya. Kajian ekadimensi banyak memberikan penekanan terhadap kerangka dalaman linguistik semata-mata. Kajian tersebut berfokus pada isu yang berbentuk stereotaip seperti semantik, pragmatik, gaya bahasa dan lakuan bahasa tanpa membawa analisisnya kepada suatu perspektif linguistik yang lebih tinggi, iaitu analisis wacana. Selain itu, kajian ini juga cenderung melihat bahasa secara dasar (Fairclough, 2003; Idris, 2012) tanpa mengaitkan hubungan dialektikal antara ciri tekstual dengan konteks sosial. Antara kajian teks ucapan ekadimensi ialah kajian Wong (2014), Suhair Safwat (2015), Nurul Afifah Adila dan Normaliza (2017), Syakirah (2016) dan Abd Ganing (2018).

Kajian terhadap teks ucapan yang dinyatakan di atas dianggap bersifat “estetisme sosiologi” kerana kajian ini hanya terikat pada analisis ayat yang tidak melibatkan konteks wacana dunia nyata (Azhar, 1993, p. 89). Paradigma wacana dunia nyata ialah kajian linguistik yang menekankan bahasa dalam pengertian menyeluruh, praktikal dan fungsional. Paradigma ini bukan sahaja mengambil kira sistem bahasa (jenis klausa, leksikal, tema, rema, struktur generik teks) malah mengaitkan hubungannya dengan fungsi dan gelagat bahasa dalam dunia sebenar manusia seperti politik, budaya, ideologi, ekonomi dan sebagainya (Idris, 2012). Labov (1978) dalam (Mohammad Azidan & Ab. Halim, 2017) menekankan betapa perlunya kajian bahasa dikaji dalam konteks wacana kerana bahasa merupakan sebahagian daripada tingkah laku masyarakat. Wacana juga

dapat digunakan sebagai wadah untuk menjayakan tujuan komunikasi tertentu yang turut ditentukan oleh faktor sosial dan budaya seperti pandangan Van Dijk *et al.* (1983, p. 6) “*discourse is not solely a cognitive event, but also a social event*”.

Bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam bidang analisis wacana, pengkaji berasa wajar untuk mengkaji unsur penanda wacana dalam teks ucapan Belanjawan 2018. Selain itu, manifestasi unsur penanda wacana dalam teks ucapan ini juga dilihat mampu menghuraikan fungsi penggunaannya bagi menjamin kelancaran maklumat tentang dasar-dasar yang ingin dikhabarkan kepada khalayak. Oleh itu, objektif utama kajian ini secara jelasnya ingin mengenal pasti kehadiran penanda wacana dalam teks ucapan Belanjawan 2019 dan menghuraikan fungsi penggunaan penanda wacana dalam teks ucapan Belanjawan 2019 bagi mencapai tujuan penyampaian dan kelancaran maklumat.

METODOLOGI KAJIAN

Data Kajian

Bagi mencapai tujuan di atas, kajian ini akan memanfaatkan teks ucapan Belanjawan 2019. Ucapan ini telah disampaikan oleh Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Encik Lim Guan Eng, di Dewan Rakyat pada hari Jumaat, 2 November 2018. Teks ucapan telah dimuat turun oleh pengkaji melalui portal rasmi Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) – <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub19.pdf> (dikutip pada 5 November 2018). Belanjawan 2019 yang bertemakan “Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera” merupakan belanjawan pertama parti Pakatan Harapan apabila memegang tumpuk pemerintahan setelah meraih 113 kerusi sehingga melayakkan parti ini membentuk Kerajaan Persekutuan yang baharu. Teks ucapan yang diperoleh pengkaji merupakan teks bahasa Melayu yang berjumlah 96 muka surat, 222 perenggan, 523 ayat dan 12 449 patah perkataan. Setiap perenggan teks ucapan hanya mempunyai satu hingga dua ayat. Selain itu, teks ucapan ini mempunyai 12 subbahagian utama mengikut strategi yang diketengahkan, iaitu bahagian A sehingga bahagian N. Belanjawan 2019 merupakan belanjawan pertama yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan yang baharu, iaitu parti Pakatan Harapan. Sifat teks ucapan Belanjawan 2019 dan kedudukan pewacananya sebagai wakil kerajaan diyakini berupaya membayangkan hala tuju kerajaan dalam mentadbir negara pada tahun-tahun mendatang.

Teori Kajian

Analisis kajian terhadap teks ucapan Belanjawan 2019 memanfaatkan kerangka Teori Nahu Fungsian yang dicadangkan oleh Halliday dan Matthiessen (2014). Menurut Halliday dan Matthiessen (2014), unsur-unsur penanda wacana yang dijelaskan dalam teori ini berperanan sebagai penanda domain semantik antara segmen teks. Penanda wacana dalam teori ini dikelaskan kepada tiga jenis yang utama, iaitu perincian (*elaboration*), pelanjutan (*extension*) dan peluasan (*enhancement*). Perincian digunakan untuk memperincikan satu klausa dengan klausa yang lain melalui cara seperti memberikan komen, mengkhususkannya dengan maklumat yang lebih mendalam atau memberikan beberapa contoh. Pelanjutan pula merujuk perkembangan sesuatu klausa dengan beberapa cara seperti menambah elemen baharu, memberikan pengecualian atau menawarkan idea lain.

Selain itu, peluasan pula merupakan satu klausa yang mengembangkan klausa lain dengan “menghias” klausa tersebut melalui penerangan seperti masa, tempat, syarat atau sebab dan akibat. Ketiga-tiga jenis utama pengembangan ini pula dicerakinkan kepada beberapa subjenis penghubung lain berdasarkan fungsinya yang tersendiri. Bagi jenis perincian, terdapat dua subjenis penghubung di bawahnya, iaitu aposisi (*apposition*) dan penjelasan (*clarification*). Subjenis aposisi mempunyai beberapa elemen kecil yang lain seperti penerangan (*exposition*) atau pencontohan (*exemplification*). Aposisi ditandai dengan penghubung seperti *misalnya*, *dengan kata lain* dan *maksudnya*. Subjenis penghubung

Jadual 1 Subsistem adverba anafora Asmah (2008).

Bil.	Subsistem Adverba Anafora	Ungkapan Adverba Anafora
1.	Waktu	<i>terlebih dahulu, kemudian, lalu, pada waktu itu</i>
2.	Syarat/Pengandaian	<i>jika demikian, kalau begitu, jika demikianlah halnya</i>
3.	Rujukan/Ulasan	menurut x (x mewakili frasa yang relevan)
4.	Perlawanan	<i>sebaliknya, namun, tetapi</i>
5.	Alasan	berdasarkan x (x mewakili frasa yang relevan)

penjelasan pula berfungsi dengan tidak mengemukakan kembali tetapi merumuskan, menjadikannya lebih tepat atau menjelaskan tujuan wacana dengan cara lain (Halliday & Matthiessen, 2014). Penjelasan ditandai dengan penghubung seperti *sebenarnya*, *pendek kata*, *sesungguhnya* dan *konklusinya*.

Seterusnya, jenis pelanjutan pula terdiri daripada tiga subjenis penghubung, iaitu penambahan (*addition*), berlawanan (*adversative*) dan variasi (*variation*). Penghubung penambahan ditandai dengan *selain itu*, *di samping itu* dan *tambahan lagi*. Subjenis penghubung berlawanan pula ditandai dengan *tetapi*, *sebaliknya* dan *bagaimanapun*. Subjenis penghubung variasi ditandai dengan *langkah lainnya* dan *alternatifnya*.

Jadual 2 Sistem penghubung (*The System of Conjunction*) Halliday & Matthiessen (2014).

<i>elaborating</i>	<i>appositive</i>	<i>expository</i>	<i>in other words, that is, I mean, to put it another way</i>
		<i>exemplifying</i>	<i>for example/instance, to illustrate</i>
	<i>clarifying</i>	<i>corrective</i>	<i>or rather, at least, to be more precise</i>
		<i>distractive</i>	<i>by the way, incidentally</i>
		<i>dismissive</i>	<i>in any case, anyway, leaving that aside</i>
		<i>particularizing</i>	<i>in particular, more especially</i>
		<i>resumptive</i>	<i>to resume, as i was saying</i>
		<i>summative</i>	<i>in short, briefly, to sum up</i>
		<i>verificative</i>	<i>actually, verificative</i>
<i>extending</i>	<i>additive</i>	<i>positive</i>	<i>and, also, moreover; furthermore</i>
		<i>negative</i>	<i>nor</i>
	<i>adversative</i>		<i>but, yet, on the other hand, however</i>
	<i>varying</i>	<i>replacive</i>	<i>instead, on the other hand</i>
		<i>substactive</i>	<i>apart from that, except for that</i>
		<i>alternative</i>	<i>or (else), alternatively</i>

Samb. Jadual 2

<i>enhancing</i>	<i>matter</i>	<i>positive</i>	<i>here, there, as so that, in that respect</i>
		<i>negative</i>	<i>in other respects, elsewhere</i>
	<i>manner</i>	<i>comparative</i>	<i>likewise, similarly, in a different way</i>
		<i>means</i>	<i>in the same manner</i>
	<i>spatio-temporal</i>	<i>following</i>	<i>then, next, secondly</i>
		<i>simultaneous</i>	<i>just, then, here, now</i>
		<i>preceding</i>	<i>previously, up to now</i>
		<i>conclusive</i>	<i>finally, ultimately, lastly</i>
		<i>immediate</i>	<i>at once, thereupon</i>
		<i>interrupted</i>	<i>soon, after a while</i>
		<i>repetitive</i>	<i>next time</i>
		<i>specific</i>	<i>next day, that morning</i>
		<i>durative</i>	<i>meanwhile, at that time</i>
		<i>terminal</i>	<i>until then</i>
		<i>punctiliar</i>	<i>at this moment</i>
	<i>causal-condition</i>	<i>general</i>	<i>so, then, therefore, hence</i>
		<i>specific</i>	<i>as a result, on account of this, for that purpose</i>
		<i>positive</i>	<i>then, in that case</i>
		<i>negative</i>	<i>otherwise, if not</i>
		<i>concessive</i>	<i>yet, still, though, nevertheless</i>

Jenis peluasan pula terbahagi kepada empat subjenis penghubung, iaitu ruang-masa (*spatio-temporal*), perkara (*matter*), cara (*manner*) dan musabab-bersyarat (*causal-conditional*). Subjenis penghubung ruang-masa ditandai dengan *selepas itu*, *kemudian*, *akhir sekali* dan *ketiga*. Subjenis penghubung perkara ditandai dengan *di sini* dan *dalam hal ini*. Subjenis penghubung cara ditandai dengan *begitu juga* dan *dengan cara yang sama*. Selanjutnya, subjenis penghubung musabab-bersyarat pula ditandai dengan oleh itu, *hasilnya* dan *namun*.

Kajian ini juga akan menerapkan kerangka adverba anafora yang dikemukakan oleh Asmah (2008). Daripada penelitian didapati teks ucapan Belanjawan 2019 ini tidak hanya terikat pada unsur penghubung, malah sarat dengan adverba anafora. Bagi Asmah (2008) dalam bahasa Melayu, frasa adverba yang berada pada pangkal ayat lazimnya berfungsi sebagai penanda wacana. Jadual 1 dan Jadual 2 masing-masingnya menunjukkan subsistem adverba anafora yang dikemukakan oleh Asmah (2008) dan sistem penghubung yang dikemukakan oleh Halliday dan Matthiessen (2014) dalam Teori Nahu Fungsian.

PROSES ANALISIS DATA


Bagi mencapai sasaran kajian, proses analisis terhadap data kajian akan dilakukan mengikut beberapa tahap, iaitu (i) pemilihan data, (ii) pengekodan data, (iii) pengenalpastian kehadiran penanda wacana (iv) pengaplikasian teori, (v) penghuraian dapatan analisis kajian dan yang terakhir (vi) perumusan atau kesimpulan. Secara analoginya, tahap pertama melibatkan proses memilih data dengan menggunakan kaedah melayap dan mengimbas. Kaedah melayap dan mengimbas dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada data mentah yang dipilih mempunyai unsur penanda wacana yang menjadi fokus kajian. Melayap ialah pembacaan pantas keseluruhan teks secara sepantas lalu (Creswell, 2017). Kaedah ini merupakan langkah yang mustahak untuk memperoleh maklumat berguna. Mengimbas pula merupakan pembacaan untuk mengesan kedudukan maklumat khusus (Creswell, 2017). Cara ini akan memberikan gambaran keseluruhan tentang kandungan data tersebut. Tahap kedua meliputi langkah pengekodan pada setiap perenggan data.

Pengekodan merupakan suatu sistem simbol yang diberikan makna sewenang-wenangnya (Asmah, 2008). Ketika perbincangan dapatan kajian dilakukan, label rujukan dinyatakan agar mudah difahami. Misalnya, A1.a) mewakili bahagian A, perenggan 1 dan ayat pertama (a). Maknanya, setiap perenggan dilabelkan mengikut bahagian dalam teks ucapan. Pengekodan pada setiap perenggan yang dilakukan dapat memperlihatkan maklumat yang wujud semasa proses analisis. Proses ketiga pula dilakukan berdasarkan objektif pertama kajian. Kehadiran penanda wacana pada awal ayat dikenal pasti secara menyeluruh daripada bahagian A hingga N. Pengaplikasian pendekatan sistem penghubung Halliday dan Matthiessen (2014) dan adverba anafora Asmah (2008) pula dijalankan pada tahap keempat. Tahap keenam ialah penghuraian hasil

kajian berdasarkan objektif kedua. Penguraian secara eksplisit dapat menggambarkan rasional penggunaan penanda wacana. Tahap terakhir merupakan rumusan kajian yang dilakukan dan pernyataan tentang implikasi kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa unsur penghubung dalam teks ucapan Belanjawan 2019 digembleng bersama-sama beberapa jenis penanda wacana berserta fungsinya dan adverba anafora. Penanda wacana yang dikenal pasti terdiri daripada tujuh subjenis, iaitu aposisi, tambahan, ruang-masa, penjelasan, cara, musabab-bersyarat dan perkara. Adverba anafora pula terdiri daripada adverba waktu, adverba permulaan waktu, adverba perhinggaan waktu, adverba tujuan, adverba rujukan, adverba manfaat, adverba syarat, adverba tolak ansur, adverba ulasan dan adverba pengandaian. Idris (2013) menyatakan unsur penghubung merujuk proses menghubungkan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur sebelumnya. Tambahnya lagi, proses menghubung ini telah membantu membina wacana yang bertautan dan berkesatuhan. Penanda wacana berserta dan adverba anafora yang telah dikenal pasti ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1 unsur penanda wacana dalam teks ucapan belanjawan 2019.

UNSUR PENANDA WACANA DAN FUNGSI PENGGUNAANNYA

Penghubung Penambahan

Berdasarkan dapatan kajian, penghubung penambahan menunjukkan penggunaan yang paling tinggi dalam teks ucapan Belanjawan 2019. Penghubung tambahan merujuk penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan (Halliday & Matthiessen, 2014). Namun begitu, penghubung penambahan yang dimanfaatkan oleh pengucap memegang dua fungsi iaitu, sebagai penunjuk positif dan berlawanan. Fungsi penghubung penambahan positif berperanan sebagai penambah unsur-unsur lain untuk meluaskan ayat sebelumnya. Penghubung penambahan berlawanan pula merujuk penambahan unsur lain yang mempunyai tentangan dengan ayat sebelumnya. Yang berikut merupakan contoh penghubung penambahan positif dan berlawanan.

- (1) A2(a) Paras hutang RM1 trilion ini DISEBABKAN oleh skandal kewangan yang bertopengkan sebagai pelaburan. (b) Kerajaan MENDAPATI pentadbiran terdahulu telah secara rahsia membayar hutang 1MDB hampir RM7 bilion sehingga 30 April 2018. (c) **Selain itu**, Kerajaan juga MENDAPATI bahawa negara mungkin perlu membayar sehingga RM43.9 bilion lagi bagi menyelesaikan hutang 1MDB ini.
- (2) F1(a) Malaysia MERUPAKAN negara guna tenaga penuh dengan kadar Pengangguran pada 3.4%. (b) **Namun**, terdapat isu struktur yang MENGAKIBATKAN pengangguran jangka masa panjang, terutamanya di kalangan belia. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan akan mengambil langkah berikut.

Data (1) menunjukkan contoh penghubung penambahan positif. Pemanfaatan penanda wacana *selain itu* menunjukkan bahawa pengucap menambah informasi lain pada ayat selepasnya, iaitu mengenai pembayaran hutang 1MDB berjumlah RM43.9 bilion. Informasi yang dikhabarkan oleh pengucap merupakan isu berkaitan hutang negara yang semakin meningkat akibat penyalahgunaan wang. Data (2) menunjukkan contoh penggunaan penghubung penambahan berlawanan. Penanda wacana *namun* yang digunakan pengucap untuk mengkhabarkan penambahan maklumat tentang pengangguran yang bertentangan. Jika diteliti, klausa

utama ayat (a) menceritakan tentang Malaysia sebagai negara guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran yang rendah. Walau bagaimanapun, pada klausa utama ayat (b) pula menceritakan maklumat yang berlawanan dengan ayat yang sebelumnya, iaitu masalah pengangguran yang berpanjangan. Antara penghubung penambahan yang ditemui dalam teks ucapan Belanjawan 2019 ialah *di samping itu, sebagai tambahan dan walau bagaimanapun*.

Penghubung Ruang-Masa

Penghubung ruang-masa berfungsi untuk memperlihatkan urutan waktu atau siri sesuatu kenyataan (Renkema, 2004, p. 169). Penghubung ruang-masa yang dimanfaatkan oleh pengucap memegang dua fungsi yang berbeza, iaitu sebagai penunjuk waktu serentak dan berurutan. Namun begitu, penggunaan penghubung ruang-masa yang dikaji menunjukkan kehadiran dalam setiap bahagian teks ucapan, khususnya bagi penghubung ruang-masa yang berfungsi untuk menunjukkan turutan. Yang berikut merupakan contoh penghubung ruang-masa serentak dan berurutan.

- (3) D7(a) REIT Lapangan Terbang akan BERPELUANG menerbitkan unit REIT baharu atau mendapatkan pinjaman bagi membayai penambahbaikan lapangan terbang terutamanya lapangan terbang yang melebihi kapasiti. (b) Struktur kewangan ini akan MENGURANGKAN bebanan hutang Kerajaan untuk membayai projek pembesaran lapangan terbang. (c) **Pada masa yang sama**, peranan MAHB sebagai operator aset ringan dapat DIKEKALKAN tanpa perlu dibebankan dengan pelaburan modal dan hutang yang besar. Projek lain juga boleh menerima pakai pembiayaan dan struktur pelaburan seumpama ini seperti hospital dan infrastruktur rel.
- (4) E1(a) **Dan kelima**, Kerajaan akan MENERUSKAN dan menambah baik Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada B40 dengan memberikan bantuan secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah.

Data (3) menunjukkan contoh penghubung ruang-masa yang berfungsi menunjukkan waktu serentak. Penghubung ini dimanfaatkan pengucap untuk menyatakan sesuatu dalam satu masa atau secara berentetan. Penanda wacana *pada masa yang sama* pada klausa utama ayat (c) memperlihatkan fungsi masa, kenyataan tentang pengekalan peranan MAHB sebagai operator aset ringan secara serentak dengan proses yang

dinyatakan pada klausa utama ayat sebelumnya, iaitu ayat (a) dan (b). Data (4) memperkenan penanda wacana turutan *dan kelima* yang digunakan untuk menyusun wacana atau maklumat yang ingin dikhaskan kepada khalayak. Penanda wacana ini menunjukkan pertalian dengan ayat-ayat sebelumnya yang ditandakan dengan penanda wacana *pertama, kedua, ketiga dan keempat*. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa pengucap menggunakan penanda wacana turutan untuk memastikan pengaliran maklumat dalam teks ucapan belanjawan dapat disampaikan secara tertib.

Penghubung Musabab-Bersyarat

Penghubung musabab-bersyarat merupakan penghubung yang dimanfaatkan untuk menyatakan sebab terjadinya sesuatu perkara atau peristiwa (Alarcon & Morales, 2011). Penghubung jenis ini berperanan untuk menunjukkan hubungan antara sebab dan akibat daripada sesuatu perbuatan atau peristiwa. Lazimnya, penghubung jenis ini digunakan dalam dua ayat yang berbeza, iaitu apabila ayat pertama berperanan untuk menunjukkan sebab dan ayat berikutnya merujuk kesan daripada sebab tersebut. Berdasarkan teks ucapan belanjawan yang dikaji, terdapat beberapa penghubung musabab-bersyarat yang digunakan, iaitu *ini kerana, oleh itu dan hal ini demikian*. Yang berikut merupakan contoh penghubung musabab-bersyarat dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

- (5) G12(a) Rakyat akan MENIKMATI manfaat pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara sekiranya negara adalah terkawal dan selamat. **Sehubungan itu**, Kerajaan akan MEMPERTINGKATKAN keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.9 bilion kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Berdasarkan data (5), penanda wacana *sehubungan itu* digunakan untuk menerangkan perkara yang dinyatakan pada klausa utama ayat sebelumnya, iaitu ayat (a) yang menerangkan manfaat pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara yang dapat dinikmati rakyat sekiranya negara terkawal dan selamat. Penanda wacana ini telah mewajarkan kerajaan untuk meningkatkan keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara dengan peruntukan berjumlah RM5.9 bilion kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Pewajaran tersebut diperlihatkan juga melalui penggunaan penanda wacana *sehubungan itu* pada ayat (b).

Penghubung Penjelasan

Penghubung penjelasan merupakan penghubung yang menerangkan sesuatu maklumat atau perkara yang dinyatakan (Halliday & Hasan, 1976). Penghubung jenis ini mempuny i tiga peranan yang berbeza, iaitu sebagai pengesah (*verificative*), perumus (*summative*) dan pengkhusus (*specificative*). Penghubung penjelasan yang bersifat pengesah berfungsi untuk mengesahkan sesuatu perkara yang diperkatakan. Penghubung penjelasan yang berunsur perumus pula berfungsi sebagai penyimpul kepada kata-kata yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya. Penghubung penjelasan yang berunsur pengkhusus pula berfungsi untuk mengutamakan atau mengspesifikasikan perbandingan antara satu perkara dengan perkara yang lain. Berdasarkan teks ucapan belanjawan yang dikaji, terdapat beberapa penghubung musabab-bersyarat yang digunakan, iaitu *sesungguhnya*, *ringkasnya*, *ini membuktikan* dan *konklusinya*. Yang berikut merupakan contoh penghubung penjelasan dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

- (6) N13(a) **Sebagai kesimpulan**, titik bersejarah pada 9 Mei 2018 hanya BERMAKNA sekiranya keadaan fiskal Kerajaan kembali pulih dan taraf hidup rakyat meningkat dalam bentuk gaji yang lebih tinggi, pekerjaan yang lebih baik dan lebih wang untuk berbelanja.
- (7) K3(a) Sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai kelulusan pelaburan sebanyak RM49.8 bilion, atau kira-kira 81% daripada jumlah pelaburan. (b) Sebanyak 411 projek yang telah diluluskan ini dijangkakan dapat menjana lebih daripada 34,000 peluang pekerjaan di seluruh negara. (c) **Buktinya**, keyakinan para pelabur di Malaysia TIDAK TERJEJAS selepas Pilihanraya Umum Ke-14 yang lalu.
- (8) M2(a) Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, pembangunan seimbang di seluruh negara akan DIBERI penekanan. (b) **Terutamanya**, MENAMBAH BAIK dan meningkatkan kemudahan asas di luar bandar

Berdasarkan data (6), penanda wacana *sebagai kesimpulan* yang diartikulasikan pada ayat (a) jelas menunjukkan rumusan terhadap kata-kata yang disampaikan dalam ayat-ayat sebelumnya. Buktinya, unsur-unsur penerangan tentang situasi fiskal kerajaan tidak dijelaskan kembali secara panjang lebar malah disimpulkan kepada ayat yang lebih ringkas dan lebih jelas berdasarkan matlamat penyampaian. Data (7) pula memperlihatkan penggunaan penanda wacana *buktinya* pada ayat (c) yang bersifat pengesah

kepada perkara yang dinyatakan pada ayat sebelumnya, iaitu ayat (a) dan (b). Unsur penanda wacana *terutamanya* pada data (8) pula berfungsi sebagai pengkhusus kerana subjek yang ditekankan atau ditegaskan ialah maklumat pada klausa kedua ayat (b), iaitu menambah baik dan meningkatkan infrastruktur di luar bandar. Penanda wacana ini digunakan oleh pengucap untuk memberikan tumpuan kepada maklumat utama yang diketengahkan berbanding dengan maklumat pada ayat sebelumnya.

Penghubung Aposisi

Penghubung aposisi merupakan penghubung yang menerangkan dua klausa atau unsur yang berkaitan secara serentak atau sejajar (Titscher *et al.*, 2000). Namun begitu, frasa atau klausa kedua dalam ayat berfungsi sebagai penerang, pengubahsuai dan penjelas kepada frasa atau klausa dalam ayat sebelumnya. Contoh penghubung aposisi dalam teks ucapan yang dikaji adalah seperti yang berikut.

- (9) H9(a) Kerajaan akan membenarkan platform penjanaan dana masyarakat (*property crowdfunding*) yang dipacu oleh sektor swasta. (b) Platform ini akan menjadi sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti melalui pinjaman terbuka antara rakan setara (*peer-to-peer lending*). (c) **Sebagai contoh**, pembeli boleh MEMBELI harta tanah terpilih dengan bayaran 20% nilai harta tanah manakala baki 80% akan dibiayai oleh pelabur yang ingin mendapat pulangan kenaikan nilai harta tanah tersebut untuk suatu tempoh masa.

Data (9) di atas menunjukkan penggunaan penanda wacana *sebagai contoh* pada ayat (c) sebagai penerang yang bersifat pencontohan atau *exemplification*. Pencontohan ini diberikan kepada idea utama yang dibincangkan pada ayat (a) dan ayat (b). Idea utama yang disampaikan oleh pengucap ialah berkaitan dengan kebenaran kerajaan untuk mewujudkan platform penjanaan dana masyarakat yang dikelolakan oleh sektor swasta. Platform merupakan salah satu langkah untuk membeli rumah pertama yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti. Pemanfaatan unsur penerang atau penjelasan *sebagai contoh* dalam teks ucapan telah membuktikan bahawa pengucap ingin menyampaikan maklumat yang berkesan, jelas dan mudah difahami pembaca.

Penghubung Perkara

Penghubung perkara merujuk penghubung yang berfungsi untuk merujuk semula sesuatu maklumat yang telah diketengahkan pada ayat sebelumnya. Halliday dan Matthiessen (2014) menegaskan bahawa kersinambungan atau tetenunan dalam sesebuah teks boleh terhasil melalui rujukan kepada perihal atau perkara yang telah dibincangkan terlebih dahulu. Rujukan yang dimaksudkan adalah untuk memaklumkan kepada pendengar atau pembaca bahawa mereka dapat memahami maksud sesuatu perkara atau maklumat secara keseluruhan jika melihat semula bahagian lain dalam sesebuah teks Halliday dan Hasan (1976). Yang berikut merupakan contoh penghubung perkara dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

- (10) D2(a) Pada asasnya, defisit belanjawan yang DIUMUMKAN dan telah dicapai pada tahun-tahun sebelum ini tidak menggambarkan defisit sebenar. (b) Sehubungan itu, walaupun Kerajaan telah BERUSAHA sebaik mungkin untuk mengurangkan kos dan menunda perbelanjaan tidak kritikal, adalah tidak realistik untuk mencapai sasaran defisit 2.8% pada 2018, melainkan Kerajaan meneruskan amalan terdahulu dengan menyorok perbelanjaan secara *off-balance sheet*.
- (11) D3(a) **Mengambil kira perkara ini**, defisit fiskal pada 2018 DIJANGKA mencapai 3.7%. (b) Peningkatan ini DISEBABKAN oleh komitmen perbelanjaan Kerajaan terdahulu yang tidak disediakan peruntukan seperti bayaran khidmat hutang 1MDB sebanyak RM1 bilion, pengambilalihan Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur (EDL) di Johor RM1.3 bilion, Prasarana RM1 bilion dan projek rel Kementerian Pengangkutan RM1.4 bilion serta bayaran balik GST RM3.9 bilion.

Data (11) di atas menunjukkan penggunaan penanda wacana *mengambil kira perkara ini* pada ayat (a) untuk merujuk maklumat yang telah disampaikan pada data (10) iaitu, berkaitan dengan defisit belanjawan yang tidak menggambarkan defisit sebenar. Antara contoh lain bagi unsur penanda wacana yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuklah *dalam perkara ini, berhubung dengan hal ini, dalam konteks ini, dan dari itu*.

Adverba Tujuan

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap teks ucapan belanjawan, penggunaan adverba tujuan menunjukkan taburan kehadiran yang paling tinggi. Penggunaan adverba ini dalam teks ucapan Belanjawan 2019 meliputi hampir keseluruhan bahagian. Adverba tujuan berfungsi untuk menyatakan tujuan sesuatu perbuatan itu dilakukan (Asmah, 2008). Penggunaan adverba tujuan biasanya menjawab persoalan *buat apa?* atau *untuk apa?* Namun begitu, dalam teks ucapan Belanjawan 2019, pengucap mengartikulasikan adverba tujuan bagi menggambarkan kepada khalayak tentang suatu dasar di sebalik sesuatu inisiatif kerajaan itu dilaksanakan. Yang berikut merupakan contoh adverba tujuan yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

- (12) D10(a) **Bagi menambah baik kecekapan dan keberkesanan SST,** mulai 1 Januari 2019, Kerajaan akan MEMBERI pengecualian cukai ke atas penyediaan perkhidmatan tertentu yang disediakan oleh suatu perniagaan berdaftar bagi perkhidmatan yang sama.

Klausa adverba *bagi menambah baik kecekapan dan keberkesanan SST* yang digunakan oleh pengucap pada data di atas merujuk tujuan yang akan dijalankan untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Klausa adverba tujuan ini juga disokong oleh penanda linguistik, iaitu kata sendi nama *bagi* pada permulaan klausa dalam ayat (a). Menurut, Abdullah (2005) kata sendi nama *untuk* dan *bagi* biasanya digunakan di hadapan ayat untuk menyatakan maksud bahagian yang diperuntukkan atau ditentukan oleh sesuatu atau seseorang. Sehubungan itu, adverba ini dilihat telah menjawab persoalan *untuk apa?* atau *buat apa?* Antara contoh lain penggunaan adverba tujuan yang ditemui dalam teks ucapan Belanjawan 2019 ialah “untuk memastikan penzahiran hutang dan liabiliti serta kedudukan nilai aset negara secara menyeluruh”, “bagi memastikan keberkesanan langkah konsolidasi fiskal ke atas hutang RM1 trilion”, “dalam usaha merasionalisasi hutang”.

Adverba Manfaat

Penggunaan adverba manfaat menunjukkan taburan kehadiran kedua tertinggi. Penggunaan adverba ini dalam teks ucapan Belanjawan 2019 meliputi hampir keseluruhan bahagian. Adverba tujuan bukan sahaja menjelaskan tujuan sesuatu perbuatan itu dilakukan malah menyatakan

untuk siapa perbuatan itu dilakukan (Asmah, 2008). Oleh itu, adverba tujuan bukan sahaja menjawab persoalan *buat apa?* atau *untuk apa?* malah turut menjawab pertanyaan *untuk siapa?* Dalam teks ucapan yang dikaji, pengucap mengartikulasikan adverba manfaat kepada beberapa individu atau sekumpulan individu. Misalnya, kakitangan awam, isi rumah berpendapatan rendah, pelajar, badan berkanun dan bukan berkanun, sektor awam dan swasta, institusi bukan kerajaan serta ramai lagi. Yang berikut merupakan contoh adverba tujuan yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

- (13) F7(a) Kerajaan telah MELULUSKAN kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai beragama Islam untuk menunaikan ibadah umrah sebanyak 7 hari sekali sepanjang tempoh perkhidmatan. **Bagi menghargai 201,600 penjawat awam yang bukan beragama Islam**, Kerajaan bersetuju MEMANJANGKAN kemudahan cuti tanpa rekod yang sama bagi tujuan keagamaan.

Berdasarkan data (13), penggunaan klausa adverba *bagi menghargai 201,600 penjawat awam yang bukan beragama Islam* jelas memperlihatkan manfaat yang diberikan tertumpu kepada kakitangan kerajaan yang bukan beragama Islam yang berjumlah 201,600 orang. Adverba manfaat ini juga didokong oleh peranti linguistik, iaitu kata sendi nama *bagi* pada permulaan klausa dalam ayat (a). Sehubungan itu, adverba ini dilihat bukan sahaja telah menjawab persoalan *untuk apa?* malah *untuk siapa?* sesuatu manfaat itu diberikan. Antara contoh lain penggunaan adverba manfaat yang ditemui dalam teks ucapan Belanjawan 2019 ialah “untuk mengurangkan beban pengilang kecil berdaftar yang membeli input pembuatan dari pengimport dan bukannya daripada pengilang yang berdaftar”, “bagi individu warganegara dan penduduk tetap”, “bagi meningkatkan latihan kemahiran belia lepasan sekolah dan kebolehpasaran graduan” dan “bagi memastikan bekas banduan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan serta dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi”.

Adverba Waktu

Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap teks ucapan belanjawan, adverba waktu turut digunakan sebagai unsur penanda wacana dan merekodkan taburan ketiga tertinggi. Adverba waktu berfungsi untuk menyatakan secara terperinci mengenai waktu atau masa berlakunya sesuatu keadaan atau peristiwa (Asmah, 2008). Hasil kajian mendapatkan

pengucap telah mengartikulasi dua jenis adverba waktu, iaitu adverba perhinggaan waktu dan adverba permulaan waktu. Yang berikut merupakan contoh adverba perhinggaan waktu dan permulaan waktu yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

- (14) G2(a) Kerajaan akan memperkenalkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40. (b) **Skim yang akan bermula pada 1 Januari 2019 ini**, akan MENYEDIAKAN perlindungan percuma ke atas 4 penyakit kritikal utama sehingga RM8,000 dan maksimum 14 hari pendapatan gantian semasa rawatan hospital pada kadar RM50 sehari atau bersamaan RM700 setahun.
- (15) H8(a) Oleh yang demikian, tidak hairanlah Malaysia terus berjaya MENARIK pelaburan pada kadar yang memberangsangkan. (b) **Dari bulan Januari hingga Ogos 2018**, jumlah pelaburan bernilai RM61.6 bilion telah DILULUSKAN, satu peningkatan daripada nilai pelaburan RM40.4 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu.

Berdasarkan data (14), penggunaan klausa adverba “skim yang akan bermula pada 1 Januari 2019 ini” dalam ayat (b) jelas memperlihatkan permulaan sesuatu peristiwa, iaitu *Skim Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 yang akan dilaksanakan pada 1 Januari 2019*. Menurut Asmah (1982), adverba permulaan waktu merujuk bermulanya sesuatu peristiwa. Antara contoh lain penggunaan adverba permulaan waktu yang ditemui dalam teks ucapan Belanjawan 2019 ialah *pada 30 Oktober 2018, sejak tahun 1999, menjelang 2020 dan mulai 1 Januari 2019*. Berbeza pula dengan adverba perhinggaan waktu yang berperanan untuk menyatakan lajak atau sempadan waktu berlakunya sesuatu peristiwa atau keadaan. Berdasarkan data (15), penggunaan klausa adverba *dari bulan Januari hingga Ogos 2018* dalam ayat (b) jelas memperlihatkan perhinggaan waktu bagi jumlah pelaburan yang meningkat dari bulan Januari 2018 hingga Ogos 2018. Antara contoh lain penggunaan adverba perhinggaan waktu yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya ialah *sehingga 31 Mac 2018 dan sehingga 15 Oktober 2018*.

Adverba Rujukan

Adverba rujukan berperanan untuk menjelaskan rujukan yang menjadi konteks berlakunya sesuatu tindakan (Asmah, 2008). Hal ini bermakna, adverba rujukan lazimnya dimanfaatkan untuk merujuk sesuatu konsep atau garis panduan yang telah ditetapkan kepada sesuatu tindakan.

Namun begitu, dalam teks ucapan Belanjawan 2019, adverba rujukan diartikulasikan untuk menyatakan fakta kepada sesuatu laporan, tindakan atau peristiwa. Fakta ini dirujuk melalui sumber-sumber yang konkret agar tidak diragui kesahihannya. Yang berikut merupakan contoh adverba rujukan yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

- (16) K4(a) **Merujuk kepada laporan *Doing Business Report 2019* oleh Bank Dunia yang diterbitkan minggu ini,** Malaysia telah MELONJAK dari tempat ke-24 ke tempat ke-15 di peringkat global. (b) Bagi memperkasa lagi tahap daya saing serta memudahkan lagi urusan perniagaan di Malaysia, Kementerian Kewangan dan MITI akan MENUBUHKAN satu jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh kedua-dua Menteri untuk memacu agenda reformasi kawal selia.

Berdasarkan data (16), penggunaan klausa adverba “merujuk kepada laporan *Doing Business Report 2019* oleh Bank Dunia yang diterbitkan minggu ini” jelas menunjukkan kata keterangan yang bersifat rujukan. Sifat ini boleh dikenal pasti melalui peranti linguistik, iaitu kata *merujuk*. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, *merujuk* membawa maksud tindakan memperoleh keterangan lanjut mengenai sesuatu perkara. Oleh itu, konsep yang menjadi rujukan atau garis panduan pada klausa utama ayat (a) ialah laporan tentang kedudukan daya saing negara Malaysia mengatasi negara-negara lain sehingga menduduki tangga ke-15. Contoh lain penggunaan adverba rujukan ialah “merujuk kepada kajian Kementerian Kesihatan”.

Adverba Ulasan

Adverba ulasan merupakan unsur penanda wacana yang berperanan untuk mengulas, menyata, menyimpulkan atau memaklumkan sesuatu perkara yang menjadi idea utama kepada topik yang dibincangkan (Asmah, 2008). Dalam erti kata lain, adverba ulasan digunakan untuk meringkaskan atau memendekkan perkara yang telah dibicarakan secara panjang lebar dalam satu ayat yang padat dan mudah difahami pembaca atau pendengar. Yang berikut merupakan contoh adverba ulasan yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

- (17) N2(a) **Di bawah Peruntukan Pembangunan,** Sektor Ekonomi MENERIMA agihan tertinggi sebanyak RM29.2 bilion yang merangkumi pengangkutan, perdagangan, industri, tenaga dan kemudahan awam dan

pertanian. (b) Sektor Sosial akan MENERIMA sejumlah RM15.2 bilion. (c) Manakala, Sektor Keselamatan DIPERUNTUKKAN RM7.1 bilion, dan Sektor Pentadbiran Am sebanyak RM3.2 bilion.

Berdasarkan data (17), penggunaan klausa adverba *di bawah Peruntukan Pembangunan* jelas menunjukkan kata keterangan yang bersifat ulasan kerana adverba ini telah dimanfaatkan oleh pengucap untuk memaklumkan maklumat penting yang terdapat pada klausa dan ayat berikutnya. Adverba ini diletakkan pada klausa utama ayat (a) sebagai idea utama yang membincangkan tentang peruntukan kepada sektor pembangunan seperti sektor ekonomi, sektor sosial, sektor keselamatan dan sektor pentadbiran am.

Adverba Tolak Ansur

Asmah (1982) menegaskan bahawa adverba tolak ansur merujuk dua pernyataan keadaan yang bertolak ansur. Dalam perkataan lain, adverba jenis ini digunakan untuk menentang atau menyangkal sesuatu dakwaan namun tidak dapat dinafikan terdapat kebenaran pada dakwaan sebelumnya. Lazimnya adverba tolak ansur disokong oleh dua jenis klausa. Yang berikut merupakan contoh adverba tolak ansur yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapannya.

(18) B7(a) Sebagai sebuah ekonomi membangun, Malaysia tidak dapat MENGELAK daripada aliran keluar modal asing. (b) **Walaupun berdepan tekanan**, mata wang Ringgit terus DIDOKONG oleh lebihan akaun semasa dan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia. (c) Akibatnya, prestasi Ringgit adalah yang TERBAIK dalam kalangan pasaran baharu muncul pada tahun ini sehingga 31 Oktober 2018. (d) Ringgit telah meningkat sebanyak 12.3% berbanding Rupee India, 8.1% berbanding Rupiah Indonesia, 3% berbanding Peso Filipina, 3.2% berbanding Renminbi China dan 0.6% berbanding Dolar Singapura.

Klausa adverba *walaupun berdepan tekanan* yang digunakan pada data (18) menunjukkan dakwaan pengucap tentang aliran keluar modal asing. Dakwaannya diperlihatkan pada ayat (b) apabila pengucap menyatakan mata wang Ringgit terus disokong oleh lebihan akaun semasa dan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia. Jika diteliti, pengucap turut mengukuhkan lagi dakwaannya dengan menggunakan penghubung musabab-bersyarat *akibatnya* pada awal ayat (c) yang berperanan

sebagai implikasi positif kepada maklumat yang dinyatakan pada ayat sebelumnya. Berdasarkan analisis didapati bahawa adverba tolak ansur memanfaatkan pemerengganan deduktif. Pemerengganan deduktif dibina dengan fakta atau idea yang diletakkan di awal perenggan, seawal ayat pertama atau kedua. Ayat berkenaan dinamakan ayat topik dan ayat isi. Ayat ini kemudian diikuti oleh ayat-ayat sokongan (Idris, 2014).

Adverba Pengandaian

Adverba pengandaian atau adverba syarat dimanfaatkan untuk menyatakan syarat yang diberikan terhadap sesuatu tindakan atau perbuatan (Asmah, 1982). Lazimnya, adverba pengandaian disokong oleh alat linguistik kata hubung seperti *kalau*, *sekiranya*, *jikalau*, *seandainya*, *sekiranya*, *misal kata*, *kalau kalau*, *kira-kira*, *andai kata* dan *jika*. Kata hubung sebegini berfungsi sebagai alat yang menyatakan syarat atau janji kepada sesuatu perbuatan atau perbuatan yang akan dilaksanakan (Abdullah, 2005). Yang berikut merupakan contoh adverba pengandaian dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

- (18) D18(a) Dengan menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela ini, sekiranya pelaporan pendapatan DIBUAT mulai esok hari sehingga 31 Mac 2019, pembayar cukai akan hanya dikenakan penalti sebanyak 10% ke atas cukai yang perlu dibayar. (b) **Sekiranya pelaporan dibuat dari 1 April 2019 sehingga 30 Jun 2019**, penalti sebanyak 15% akan DIKENAKAN kepada rakyat. (c) Selepas tamatnya program ini pada 30 Jun 2019, kadar penalti yang DIKENAKAN adalah antara 80% sehingga 300% seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. (d) Dengan Kerajaan yang bersih dan telus, rakyat akan BERSEDIA untuk membayar cukai kerana mereka tahu bahawa Kerajaan tidak menipu dan merompak wang rakyat.

Klausu adverba “sekiranya pelaporan dibuat dari 1 April 2019 sehingga 30 Jun 2019” yang digunakan pada data (19) jelas memperkenan syarat yang perlu dipatuhi untuk mengelak daripada membayar penalti cukai sebanyak 15% sebelum 1 April 2019 sehingga 30 Jun 2019. Adverba pengandaian ini dikenal pasti melalui kata *sekiranya* pada klausu pertama ayat (b). Contoh lain penggunaan adverba pengandaian ialah “jika tahap penyertaan wanita dalam tenaga kerja ditingkatkan sebanyak 30%”.

KESIMPULAN

Penanda wacana dapat menstrukturkan aliran huraian yang logik dan sistematis oleh pewacana kepada pembaca atau pendengar. Dengan cara ini, pembaca atau pendengar dapat mengikuti perkembangan sesuatu idea yang ingin disampaikan oleh pewacana. Secara keseluruhan, teks ucapan Belanjawan 2019 yang disampaikan oleh pewacana mempunyai penggunaan unsur penanda wacana yang pelbagai. Walau bagaimanapun, penghubung penambahan, adverba tujuan dan adverba manfaat dilihat sebagai tiga unsur penanda wacana yang kerap digunakan oleh pewacana dalam usaha pembikinan teks ucapannya. Namun begitu, teks ucapan ini juga sarat dengan beberapa jenis penanda wacana lain seperti penghubung ruang-masa, penghubung sebab-bersyarat, penghubung penjelasan, penghubung aposisi, penghubung perkara, adverba waktu, adverba rujukan, adverba ulasan, adverba tolak ansur dan adverba pengandaian. Hal ini kerana, wacana ucapan belanjawan itu tidak dihasilkan dengan sebeginu mudah, malah dicipta dengan proses yang kompleks melalui penggembangan beberapa unsur penanda wacana lain. Objektif kajian tercapai apabila penghubung penambahan menjadi unsur penanda wacana yang paling dominan dalam wacana teks ucapan Belanjawan 2019. Hal ini jelas membuktikan bahawa genre teks Belanjawan 2019 telah memanfaatkan penghubung penambahan sebagai wadah untuk menambah maklumat penting kepada seluruh isi negara Malaysia. Pengutaraan cadangan, ideologi, fakta, laporan dan dasar yang terkandung dalam teks ucapan ini telah membuktikan bahawa teks Belanjawan 2019 memiliki ciri bermaklumat, berketenunan, berkepadaan dan bertujuan. Pemanfaatan penghubung penambahan ini digandingkan dengan sifat wacana belanjawan yang bersifat ekspositori untuk memberikan penerangan tentang perancangan kewangan negara kepada khalayak.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 1(2), 1-18.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Alarcon, J. B & Morales, K.N.S. (2011). Grammatical cohesion in student's argumentative essay. *Journal of English and Literature* 2(5), 114 – 127.

- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Melayu kemas kini: Panduan bahasa yang baik dan betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1982). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis wacana “yang” dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahadsa dan Pustaka.
- Blackmore, D. (1992). *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell.
- Fairclough, N. (2003). *Analyzing discourse: Textual analysis for social research*. New York: Routledge.
- Gillian Brown & George Yule. (1988). *Discourse analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Halliday, M.A.K & Matthiessen, C.M.I.M. (2014). *Halliday’s introduction to functional grammar* (4rd ed.). Oxford: Routledge.
- Halliday, M.A.K & R. Hasan. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Idris Aman. (2014). *Analisis wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2013). “Proses” dalam ayat wacana: Representasi pengalaman dunia penutur. *Jurnal Bahasa* 13(1), 1-20.
- Idris Aman. *Discourse in social life: From the world of language to real world linguistics*. Kertas dibentang di UKM International Conference on Linguistics, Bangi. 2012.
- John W. Creswell, J. David Creswell. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. London: SAGE Publications.
- Kathleen Kalpin Smith. (2017). *Gender, speech and audience reception in early modern England*. London: Routledge.
- Kementerian Kewangan (5 November 2018). Teks Ucapan Belanjawan 2019. <http://www.treasury.gov.my/pdf/ucapan/ub19.pdf>.
- Labov, W. (1978). Some Principles of Linguistic Methodology. *Language in Society*, 1, 97–120.
- Mohd Azidan Abdul Jabar & Ab. Halim Mohamad. (2017). Ketekstualan wacana Arab menerusi kaedah kohesi. *Jurnal AL-ANWAR* 1(3), 33-50.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh & Normaliza Abd Rahim. (2017). Didaktik dalam Teks Pengubahsuaian Bajet 2016. *Journal of Business and Social Development* 5(1), 112-122.
- Renkema, J. (2004). *Introduction to discourse analysis*. Netherland: John Benjamins Publication.
- Stefan Titscher, Michael Meyer, Ruth Wodak & Eva Vetter. (2000). *Methods of text and discourse analysis*. London: SAGE Publications.
- Syakirah Abdul Rahman. (2016). Prosiding ICECRS: *International Seminar on Generating Knowledge through Research, UUM-UMSIDA*, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

MUHAMMAD FAIZUL, MOHD AZIDAN DAN MUHAMMAD ALIF

- Suhair Safwat Mohammed Hashim. (2015). Speech acts in political speeches. *Journal of Modern Education Review*, 7 (5). 699–706.
- Wong Shia Ho. (2014). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1).
- Van Dijk. (1979). *A Macrostructures: An interdisciplinary study of global structures in discourse, interaction and cognition*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Inc. Publishers
- Van Dijk, T.A & Kintsch, W. (1983). *Strategies of discourse comprehension*. Orlando: Academic Press Inc.

Diperoleh (*received*): 26 Februari 2019

Diterima (*accepted*): 14 Mei 2019